

### Ayat Aktif dan Ayat Pasif

1. Kedua-dua ayat ini berlainan bentuk struktur perkataannya tetapi mempunyai maksud sama.
2. Ayat aktif ialah ayat yang menekankan **objek**. Dalam ayat aktif, 'pelaku' terletak di hadapan (sebagai subjek ayat) manakala 'benda yang kena buat' terletak di belakang (sebagai predikat ayat)
3. Ayat aktif ialah ayat yang kata kerja **berawalan** 'meN', 'men...kan' dan 'men...l'. Contohnya:
  - (a) Ali sedang memancing ikan. (*Ali ialah pelaku di depan dan ikan ialah benda kena buat*)
4. Ayat pasif menerangkan **benda** atau **orang yang dikenakan perbuatan ke atasnya**. Maksudnya, dalam ayat pasif, 'benda yang kena buat' terletak di hadapan (sebagai subjek ayat) manakala 'pelaku' terletak di belakang (sebagai predikat). Bentuk ayat pasif ialah:
  - (a) **tidak berawalan** men- dan didahului **kata ganti diri pertama** dan **kata ganti diri kedua**.  
Contohnya:
    - i. Bola itu saya tendang.
    - ii. Borang itu perlu anda isi.
  - (b) **berawalan** di- dan diikuti kata sendi **oleh** serta **kata ganti diri ketiga**.  
Contohnya:
    - i. Baju itu dibasuh oleh kakak.
    - ii. Meja besar itu ditolak oleh mereka.
5. Ayat pasif terdiri daripada:
  - (a) **ayat pasif diri pertama**, iaitu ayat yang kata kerjanya tidak berawalan men- dan didahului kata ganti diri pertama seperti aku, kami, kita, saya, dan sebagainya.
  - (b) **ayat pasif diri kedua**, iaitu ayat yang kata kerjanya tidak berawalan men- dan didahului kata ganti diri kedua seperti awak, anda, kamu, engkau, dan sebagainya.
  - (c) **ayat pasif diri ketiga**, iaitu ayat yang kata kerjanya berawalan **di-**, diikuti kata sendi **oleh** serta kata ganti diri ketiga seperti ia, dia, beliau, baginda, dan sebagainya.
4. Kedua-dua ayat aktif dan pasif membawa **maksud yang sama** walaupun **bentuknya berbeza**.  
Contohnya:

| Ayat Aktif                          | Ayat Pasif Diri Pertama          |
|-------------------------------------|----------------------------------|
| (a) Saya mencuci kasut sekolah.     | (a) Kasut sekolah saya cuci.     |
| (b) Kita menerima keputusan itu.    | (b) Keputusan itu kita terima.   |
| (c) Aku akan memetik bunga itu.     | (c) Bunga itu akan aku petik.    |
| (d) Kami sudah menyusun jadual itu. | (d) Jadual itu sudah kami susun. |

| Ayat Aktif                            | Ayat Pasif Diri Kedua               |
|---------------------------------------|-------------------------------------|
| (a) Anda harus menyiapkan kerja itu.  | (a) Kerja itu harus anda siapkan.   |
| (b) Awak mesti menyerahkan surat itu. | (b) Surat itu mesti awak serahkan.  |
| (c) Engkau patut memulangkan duitnya. | (c) Duitnya patut engkau pulangkan. |
| (d) Kamu perlu membaiki kereta itu.   | (d) Kereta itu perlu kamu baiki.    |

| Ayat Aktif   | Ayat Pasif Diri Ketiga                                |
|--|---|
| (a) Mereka mengecat bangunan.                      | (a) Bangunan dicat oleh mereka.                       |
| (b) Baginda meminta rakyat supaya bersabar.        | (b) Rakyat diminta oleh baginda supaya bersabar.      |
| (c) Beliau mengarahkan orang ramai supaya beratur. | (c) Orang ramai diarahkan oleh beliau supaya beratur. |
| (d) Dia sedang menjahit baju.                      | (d) Baju sedang dijahit olehnya.                      |